

SEGERA



KENYATAAN MEDIA

LANTIK JURUAUDIT BEBAS : AUDIT SEMUA LEBUH RAYA DALAM PEMBINAAN

Kuala Lumpur, 25 Mac 2021 – Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah mengeluarkan arahan kepada semua Syarikat Konsesi yang terlibat dalam projek lebuhraya dalam pembinaan supaya melaksanakan pemeriksaan keselamatan terperinci, melalui Juruaudit Bebas.

Ini susulan arahan Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Fadillah Yusof, supaya audit menyeluruh dilakukan terhadap kesemua lebuhraya dalam pembinaan pada kadar segera, bagi memastikan keadaan di tapak pembinaan sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat.

Selaras dengan perjanjian konsesi, jika berlaku kejadian luar jangka syarikat konsesi adalah dipertanggungjawabkan untuk melantik juruaudit bebas yang akan dipantau oleh LLM.

Pelantikan juruaudit bebas ini perlu untuk menilai keseluruhan pematuhan prosedur operasi standard (SOP), langkah-langkah penambahbaikan yang perlu dilakukan dan mengkaji punca insiden luar jangka.

LLM juga telah diarahkan oleh Menteri Kanan Kerja Raya, supaya memastikan kesemua Syarikat Konsesi melaksanakan pemeriksaan terperinci di kesemua kawasan pembinaan yang berisiko tinggi terhadap keselamatan pengguna jalan raya, orang awam dan pekerja pembinaan.

SEGERA

Sementara itu, Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS) dan Lebuhraya Projek Lintasan Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKE) telah melantik juruaudit bebas pada hari ini, untuk melaksanakan audit keselamatan secara menyeluruh di tapak pembinaan SUKE.

Juruaudit bebas ini juga dilantik untuk mengkaji punca insiden luar jangka yang telah berlaku pada 22 Mac 2021, selain siasatan yang dijalankan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) serta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Perlantikan juruaudit bebas ini adalah SOP apabila berlaku kejadian luar jangka di semua tapak pembinaan lebuhraya.

Kesemua syarikat pemaju projek lebuhraya adalah bertanggungjawab untuk memastikan kesemua kontraktor dan sub-kontraktor mematuhi peraturan dan prosedur kerja yang telah ditetapkan.

- Tamat –

Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia
25 Mac 2021